

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 OKTOBER 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI dedahkan pelajar Orang Asli kepada teknologi tinggi MRT	Utusan Malaysia
2.	MoU inked to prepare guidelines for earthquake-resistant buildings	BERNAMA
3.	Vital to monitor children's use of social media	The Star
4.	Saksi mengadu tidak sihat	Utusan Malaysia
5.	Prosiding di Jabatan Kimia	Harian Metro
6.	Pengecaman dua helai baju-T, kuku dan agen saraf VX	KOSMO
7.	Chemist unwell after identification process	New Straits Times
8.	Eksibit kes bunuh Kim Jong-Nam dibuka di Jabatan Kimia atas faktor keselamatan	BERNAMA
9.	Pengecaman barang kes di Jabatan Kimia	Berita Harian
10.	Lihat barang kes di bilik khas	Harian Metro
11.	Barang kes dibuka di Jabatan Kimia	Berita Harian
12.	Fipper, Adidas tiruan dirampas	Harian Metro
13.	Gempa bumi sederhana landa Selatan Lautan Hindi	BERNAMA



MOSTI dedahkan pelajar Orang Asli kepada teknologi tinggi MRT



Madius Tangau (dua kanan) mendengar penerangan daripada Ir. Zohari Sulaiman (kanan) ketika meninjau kemudahan MRT di Stesen TRX

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited untuk mengurusperdanakan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam kalangan rakyat negara ini. Dalam usaha tersebut, masyarakat Orang Asli tidak dipinggirkan apabila diberi peluang untuk bersama-sama **Menterinya, Datuk Madius Tangau** mengadakan lawatan kerja ke MRT Corporation, baru-baru ini..

Lawatan tersebut dianjurkan khusus untuk meneroka dan mendapatkan informasi mengenai teknologi yang digunakan dalam pembinaan Sistem Transit Aliran Massa (MRT) yang juga merupakan salah satu daripada pembangunan berorientasikan transit (TOD).

Seramai lapan orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Sungai Melut (A) Sepang telah dibawa bersama dalam lawatan tersebut yang turut disertai pengurusan tertinggi MOSTI dan disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Rapid Rail, **Datuk Ir. Zohari Sulaiman**. Yang turut hadir Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya dan Ketua Pengarah, Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad.

Madius berkata, langkah membawa pelajar Orang Asli itu bagi memberi peluang dan ruang kepada mereka untuk meneroka teknologi terkini yang digunakan dalam sistem pengangkutan awam di negara ini.

"Saya mengharapkan dengan usaha kecil ini, ada dalam kalangan mereka yang satu hari nanti akan menceburi bidang STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik).

"Saya percaya dan penuh yakin bahawa pembangunan bakat adalah penting sebagai persediaan dalam dunia pekerjaan pada masa hadapan dan bidang sains dan teknologi adalah bidang peneraju yang bakal memberi peluang yang lebih luas dan cerah kepada mereka," ujarinya.

Menurutnya lagi, pelaksanaan projek MRT melambangkan permintaan tenaga kerja mahir pada masa hadapan. Satu perkara yang membanggakan adalah 10 kontraktor pakej utama yang terbabit dalam pembinaan jajaran MRT Sungai Buluh Kajang (SBK) terdiri daripada anak tempatan walaupun teknologi yang digunakan datang dari Jerman.

Daripada projek berprofil tinggi itu, pemindahan teknologi memberi peluang kepada anak-anak tempatan menimba pengalaman berharga dalam menyepadukan kepakaran mereka dengan syarikat antarabangsa. Selain itu, projek berkenaan juga membuka peluang syarikat tempatan untuk mengeksport kemahiran dan keupayaan mereka ke luar negara pada masa akan datang.

"Tujuan utama kita membawa pegawai kanan MOSTI pada hari ini adalah untuk melihat inovasi yang diperkenal dalam hal berkaitan kejuruteraan pengendalian dan keselamatan dan papan tanda, komunikasi dan juga teknologi bersih yang dalam dalam sistem kereta api ini.

"Dengan itu kita boleh memberitahu masyarakat bahawa Malaysia sudah mempunyai kemudahan pengangkutan yang canggih dan mereka dapat menghargainya," ujar beliau.

Apa yang menarik kata beliau lagi, adalah syarikat berkenaan membuktikan kejayaan dalam pengurusan bakat pekerja yang berkemahiran memandangkan sistem tersebut berteknologi tinggi, sekali gus membuktikan bahawa sudah sampai masanya Malaysia memberi penekanan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara perkara yang menarik perhatian dalam teknologi pembinaan MRT adalah kerja-kerja bawah tanah yang meliputi pembinaan terowong berkembar dan struktur yang berkaitan bagi jajaran bawah tanah sepanjang 13.5 km serta 11 stesen bawah tanah termasuk Stesen MRT Tun Razak Exchange (TRX).

TRX merupakan stesen paling dalam dan kedalamannya menyamai bangunan rumah pangsa 15 tingkat.

Selain itu, operasi MRT juga melibatkan sistem elektrik dan mekanikal yang menuntut satu tahap piawaian yang tinggi untuk memastikan kelancaran perjalanan para penumpang mengikut jadual yang ditetapkan.

Sementara itu menurut Zohari, sistem MRT menggunakan teknologi tinggi untuk beroperasi secara lebih baik dan untuk tujuan itu pihaknya amat memerlukan pekerja berkemahiran.

"Bagi tujuan menggunakan tenaga kerja berkemahiran, kami bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan sebuah politeknik bagi membolehkan pelajar yang tamat pengajian diberi pendedahan dalam pengangkutan kereta api sebelum diterima bekerja sebagai kakitangan tetap.

"Kaedah ini bertujuan mengurangkan masa melatih mereka," ujar beliau sambil menambah bahawa tiga ramuan utama kejayaan rangkaian kereta api adalah rangkaian hubungan, kekerapan dan ketepatan.

Selain meninjau kemudahan berteknologi tinggi, MOSTI juga menggunakan pendekatan menganjurkan pelbagai program dan acara dalam usaha membudaya dan menyemarakkan STI.



MoU Inked To Prepare Guidelines For Earthquake-Resistant Buildings

KOTA KINABALU, Oct 9 (Bernama) -- The Sabah Ministry of Local Government & Housing (KKTP) and the **Department of Standards Malaysia (JSM)** today signed a Memorandum of Understanding (MoU) for the preparation of guidelines and development of Malaysian Standards (MS) for earthquake-resistant building design code here.

The MoU was signed by KKTP permanent secretary Datuk Ginun Yangus on behalf of the ministry, while Standards Malaysia was represented by its director-general Datuk Fadilah Baharin, witnessed by KKTP Minister Datuk Hajiji Noor and **Minister of Science, Technology and Innovation (Mosti) Datuk Madius Tangau**.

The MoU is the government's initiative to minimise the impact of earthquakes and for future disaster preparedness. At the same time, it is also a measure to ensure that a similar earthquake measuring 5.9 on the Richter scale that hit Ranau in 2015, claiming many lives and destroying properties, is not repeated.

Speaking at the event, Hajiji said cooperation with agencies under Mosti would prepare the state to face earthquake threats besides raising people's awareness of what to do before, during and after a disaster.


Meanwhile, Madius said it was time cooperation between Mosti through JSM and relevant ministries and agencies in Sabah was also intensified to ensure that MS is enforced through regulations, construction codes and building guidelines.

He said a standard that was developed would be meaningless if no one was using it, hence he urged the authorities to enforce the use of standards in the future so that it could be optimised.

To date, Madius said Mosti approved MS EN 1998-1: 2015 which adopted the European standard Eurocode 8 "Design of Structures for Earthquake Resistance - Part 1: General Rules, Seismic Actions and Rules for Buildings" in August 2015.

He said another standard is currently in the final draft stage and is expected to be approved by the end of October, namely "Malaysia National Annex to MS EN 1998-1: 2015, Eurocode 8: Design of Structures for Earthquake resistance - Part 1: General rules, seismic actions and rules for buildings".

"This MS provides guidelines for building structure designs that are resistant to earthquakes. It is very important because most building structures in Malaysia, especially in Sabah, are not designed and constructed to withstand earthquakes," he said.



Vital to monitor children's use of social media

THE report headlined "Too young to go online" (*Sunday Star*, Oct 8) should be compulsory reading for parents and childcarers. According to the report, **CyberSecurity Malaysia (CSM)** found that almost half of pupils aged between seven and nine years old already have social media accounts, going up to 67% among children aged between 10 and 12.

Children tend to use social media to pass time aimlessly, impress others or avoid school or housework. Monitoring their use of social media at an early age makes sense as they are easier to control at that stage.

Given the harmful effects of uncontrolled access to social media on young children, parents and carers must take the appropriate steps to monitor their access to the Internet.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 10 OKTOBER 2017 (SELASA)

Selepas proses pengecaman bahan bukti racun VX

Saksi mengadu tidak sihat

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
pengarang@utusan.com.my

■ PETALING JAYA 9 OKT.

KETUA Makmal Pusat Senjata Kimia, Dr. S. Raja yang merupakan saksi pendakwaan kelapan dalam perbicaraan kes bunuh lelaki Korea Utara, Kim Chol atau Kim Jong-nam, mengadu tidak sihat selepas proses pengecaman bahan bukti mengandungi racun agen saraf VX di Jabatan Kimia di sini hari ini.

Malah, peguam bela, S. Selvi yang mewakili tertuduh warga Indonesia, Siti Aisyah dan turut berada di dalam makmal sewaktu proses pengecaman itu juga dilihat agak keletihan ketika ditemui selepas tamat prosiding tersebut.

"Bilik makmal itu kecil sahaja. Keadaan di dalamnya panas dan berkuap. Memang agak memenatkan selepas hampir sejam setengah di dalamnya," ujar Selvi.

Sementara itu, Ketua Unit Bicara dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, Wan Shahrudin Wan Ladin ketika dihubungi memberitahu, ekoran keadaan saksi yang tidak sihat, Hakim Datuk Azmi Ariffin membenarkan perbicaraan kes itu di Mahkamah Tinggi Shah Alam yang dijadualkan pada sebelah petang ditangguhkan.

"Pengecaman barang kes dilakukan dalam sebuah bilik yang di dalamnya terdapat makmal khas. Di dalam makmal, hanya Dr. Raja, tertuduh kedua, Doan Thi Huong, Selvi dan dua anggota



DUA tertuduh kes kematian Kim Jong-nam, Siti Aisyah (depan) dan Doan Thi Huong (belakang, dua dari kiri) dibawa keluar dari makmal Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

polis. Mereka memakai baju pelindung bahan kimia lengkap dengan topeng pernafasan," katanya.

Prosiding pengecaman pada hari kelima perbicaraan dilakukan di Jabatan Kimia di sini kerana menurut Raja, 42, agen saraf pada sebahagian bahan bukti masih lagi aktif dan boleh memudaratkan sekiranya proses tersebut di-

lakukan di tempat terbuka.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh kes itu, Siti Aisyah, 25, dan warga Vietnam, Thi Huong, 28, tiba di jabatan tersebut kira-kira pukul 9 pagi diikuti oleh Hakim Azmi serta kakitangan mahkamah setengah jam kemudian.

Kedua-dua wanita terbabit dibi-cayakan selepas mengaku tidak bersalah atas tuduhan bersama-sama empat lagi individu yang masih bebas membunuh Jong-nam, 45, di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), Sepang kira-kira pukul 9 pagi, 13 Februari lalu.

Pertuduhan terhadap kedua-dua wanita itu dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Peguam bela, Hisyam Teh Poh Teik yang mewakili Thi Huong memberitahu, antara barang kes yang dicamkan hari ini ialah sehelai kemeja T bertulis LOL, sehelai kemeja T tidak berlangan dan skaf yang kedua-duanya berlabel 'Doan Thi Huong' dan 'Siti Aisyah'.

Yang turut dicamkan ialah keratan kuku itu berlabel 'Doan Thi Huong', tambahnya.

Peguam bela, Gooi Soon Seng yang mewakili Siti Aisyah pula memberitahu, kot yang dikatakan dipakai oleh mangsa tidak dikemukakan pada prosiding tersebut dan difahamkan telah dihantar pulang ke Korea Utara.

"Kot tersebut dikatakan mempunyai jumlah VX yang banyak tetapi ia tidak dikemukakan hari ini. Ia merupakan salah satu bukti yang penting. Kami akan menyentuh mengenai perkara ini waktu hujahan nanti," katanya.

Menjawab pertanyaan kenapa anak guamnya tidak masuk ke dalam makmal untuk proses pengecaman walaupun dibawa ke jabatan itu, peguam terbabit menyatakan 'tak perlu'.

Perbicaraan bersambung esok di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan pendakwaan dijangka memanggil jurugambar dan Ketua Unit DNA Jenayah dari Jabatan Kimia, Nor Aidora Saedon.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 10 OKTOBER 2017 (SELASA)

PERBICARAAN KES
PEMBUNUHAN



Sarah Zulkiffi
sarah@metro.com.my

Petaling Jaya

Prosiding pengecaman barang kes bunuh abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong nam terpaksa dilakukan di Jabatan Kimia, di sini, semalam berikutan isu keselamatan.

Hal itu disebabkan bahan agen saraf VX yang aktif masih terdapat pada ketiga-tiga barang kes iaitu dua baju-T tertulis nama dua tertuduh, Siti Aisyah, seorang warga Indonesia dan Doan Thi Huong, warga Vietnam serta keratan kuku Doan.

Ketiga-tiga barang kes itu dikemukakan sebagai eksibit yang masing-masing berada dalam beg plastik berasingan dan dimasukkan ke dalam sampul serta dimeterai Jabatan Kimia dan keratan kuku.

Dalam beg plastik mengandungi baju-T dilabelkan Siti Aisyah turut mengandungi skaf.

Proses pengecaman barang kes itu bermula jam 10 pagi dan tamat sejam setengah kemudian.

Prosiding di Jabatan Kimia

■ Bahan agen saraf VX didapati masih aktif terdapat pada ketiga-tiga barang kes



Siti Aisyah (kiri) dan Doan Thi Huong (kanan) diiringi anggota polis dibawa keluar daripada Jabatan Kimia, semalam.

Bagaimanapun, wartawan dan jurukamera tempatan serta asing yang berkumpul sejak jam 7 pagi hanya di benarkan berada di luar pagar Jabatan Kimia.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin berkata, proses pengecaman barang kes berlangsung selama satu jam setengah di Jabatan Kimia.

"Pihak yang masuk ke dalam makmal terdiri daripada Doan, Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia Dr S Raja, peguam S Selvi yang mewakili Siti Aisyah serta dua pegawai pengiring."

"Proses pengecaman ba-

rang kes dijalankan dalam bilik yang dilengkapi dengan sebuah makmal," katanya ketika ditemui selepas prosiding tamat jam 12 tengah hari.

Beliau berkata, semua mereka dikehendaki memakai pakaian pelindung bahan kimia dan topeng pernafasan manakala Hakim Datuk Azmi Ariffin, barisan pendakwaan dan peguam bela yang lain berada di luar makmal yang hanya dipisahkan dengan dinding kaca.

Pada prosiding Khamis lalu, Dr Raja mengesahkan rancun agen saraf VX dikesan pada baju-T tanpa lengan dalam sampul dilabelkan Siti Aisyah dan baju-T putih dengan cetakan 'LOI' di bahagian hadapan dilabelkan Thi Huong.

Namun, ketika prosiding berlangsung, barang kes tidak dibuka untuk ditanda sebagai eksibit kerana Dr Raja memberitahu mahkamah, kesan agen saraf VX yang terdapat pada barang kes itu masih aktif dan di-

khuatiri memudaratkan orang ramai jika dibuka di tempat terbuka.

Saksi kelapan pendakwa an itu menyarankan barang kes berkenaan dibuka di makmal yang tidak mempunyai sistem pengudaraan untuk dicamkan.

Sementara itu, Selvi ketika ditemui selepas prosiding berkata, beliau berasa agak keletihan selepas mengikuti proses pengecaman itu berikutan keadaan dalam makmal yang panas dan berkuap.

Menurutnya, jaket yang didakwa dipakai Jong nam pada hari kejadian tidak dikemukakan pendakwaan bagi proses pengecaman. Peguam Gooi Soon Seng

yang turut mewakili Aisyah berkata, jaket berkenaan tidak dikemukakan di mahkamah untuk ditanda sebagai barang kes kerana sudah dihantar pulang ke Korea Utara.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh yang memakai baju kurung tiba di Jabatan berkenaan pada jam 9 pagi diiringi polis manakala Azmi pula tiba pada jam 9.30 pagi.

Siti Aisyah, 25, dan Doan, 28, yang didakwa bersama empat lagi yang masih bebas membunuh abang pemimpin Korea Utara Kim Jong nam, 45, di Balai Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (Klia2) pada jam 9 pagi, 13 Februari lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati jika sabit kesalahan.

Prosiding berkenaan sepatutnya bersambung semalam di Mahkamah Tinggi Shah Alam pada sesi petang.

Wan Shaharuddin berkata, Dr Raja memohon supaya prosiding petang semalam ditangguhkan kerana beliau tidak sihat.

Perbicaraan kes itu bersambung hari ini.

FAKTA
Jaket dipakai Jong nam pada hari kejadian sudah dihantar pulang ke Korea Utara

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 10 OKTOBER 2017 (SELASA)

Pengecaman dua helai baju-T, kuku ada agen saraf VX



**Bicara pembunuhan
Kim Jong-nam**

PETALING JAYA - Tiga barang kes iaitu dua helai baju-T tertera nama dua tertuduh yang didakwa membunuh pemimpin Korea Utara dalam buangan, Kim Jong-nam dan keratan kuku dikemukakan di Jabatan Kimia di sini semalam bagi tujuan pengecaman.

Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shahrudin Wan Ladin berkata, proses pengecaman barang kes dilakukan di dalam bilik makmal selama satu jam setengah atas faktor keselamatan.

Antara individu yang masuk ke makmal tersebut ialah ter-

tuduh kedua iaitu wanita Vietnam, Doan Thi Huong; Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Dr. S. Raja, peguam tertuduh pertama wanita Indonesia, Siti Aisyah iaitu S. Selvi dan dua anggota polis pengiring.

Menurut beliau, semua yang masuk ke makmal tersebut dikehendaki memakai baju pelindung bahan kimia dan topeng pernafasan.

"Hakim Datuk Azmi Ariffin dan barisan pendakwaan serta peguam bela lain berada di luar makmal yang dipisahkan dengan dinding kaca," kata beliau ketika ditemui selepas prosiding.

Pada prosiding minggu lalu,



THI HUONG hadir untuk proses pengecaman barang kes di Jabatan Kimia di Petaling Jaya semalam.

Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, **Jabatan Kimia Malaysia**, Dr. Raja menyaran-



SITI AISYAH dibawa ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya semalam untuk pengecaman barang kes.

kan barang kes terbabit dibuka di Jabatan Kimia bagi tujuan keselamatan.

Ini kerana agen racun VX yang aktif didapati masih terdapat pada dua helai baju-T dan keratan kuku berkenaan.

Agensi racun VX digunakan untuk membunuh Jong-nam iaitu abang tiri kepada pemimpin Korea Utara iaitu Kim Jong-un. Tertuduh Siti Aisyah, 25, dan Thi Huong, 28, tiba di Jabatan Kimia pada pukul 9 pagi diiringi pihak polis manakala Azmi tiba pada pukul 9.30 pagi.

Kedua-dua wanita warga asing didakwa bersama empat yang masih bebas didakwa membunuh Jong-nam, 45, di Balai Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 pada pukul 9 pagi, 13 Februari lalu.

Perbicaraan bersambung hari ini.

EXHAUSTED

CHEMIST UNWELL AFTER IDENTIFICATION PROCESS



He asks
High Court to
adjourn proceedings
to tomorrow

RAHMAT KHAIRULRIJAL
PETALING JAYA
rahmat@nst.com.my

THE eighth prosecution witness in the trial of two women accused of murdering Kim Jong-nam yesterday asked the High Court to adjourn proceedings after complaining of exhaustion and that he was unwell.

Chemistry Department chemical analysis laboratory head Dr S. Raja had earlier completed an hour-long identification process on the clothes worn by the two women on the day of Jong-nam's murder, as well as nail clippings taken from one of them.

Deputy public prosecutor Wan Shahrudin Wan Ladin said after the process was completed, Dr Raja said he was feeling unwell and requested proceedings be adjourned to tomorrow.

He said the identification process was conducted in a secured glass chamber in the Chemistry Department headquarters here after two shirts, including the infamous white blouse with the letters "LOL" printed on it, and nail



Murder accused Doan Thi Huong (left) and Siti Aisyah being led out of the Chemistry Department headquarters in Petaling Jaya yesterday. PIX BY SAIRIEN NAFIS

clippings taken from Vietnamese Doan Thi Huong, were tendered to the court before judge Datuk Azmi Ariffin.

"All those inside the glass chamber were required to wear white hazmat suits and respiratory masks as a precautionary measure. Only five people — Dr Raja, Doan, lawyer S. Selvi, and two policemen — were inside the chamber," he said.

Court proceedings were held at the department headquarters yesterday to allow for the process. There was a heavy, armed police presence as those involved arrived at 9am and left three hours later.

It was unclear what could have caused Dr Raja to feel unwell, though Selvi gave an inkling as to what could have happened.

Selvi, who represents Indonesian Siti Aisyah, said she too felt

"a little bit tired" as it was hot and humid inside the glass chamber, especially with hazmat suits on.

"Dr Raja had opened up the envelope which contained the white shirts wrapped in plastic. I also feel a little bit exhausted after exiting the glass chamber," she said.

Lawyer Gooi Soon Seng, who also represents Siti Aisyah, said his team would submit to court later that a vital piece of evidence — Jong-nam's blazer — was missing as it was sent back to North Korea along with the body of North Korean leader Kim Jong-un's estranged half-brother.

"We believed that the blazer (which was not tendered in court) is a vital piece of evidence as it (would have) contained a maximum concentration of VX (nerve agent, which was used to kill

Jong-nam). We will submit this to the court during submissions."

Asked why Siti Aisyah was not present in the glass chamber, Gooi said it was not necessary.

Doan and Siti Aisyah were accused of killing one Kim Chol, a North Korean who was later identified as being Jong-nam. Jong-nam had been travelling under the alias Kim Chol.

They were charged on March 1 along with four others still at large.

Doan and Siti Aisyah were alleged to have attacked Kim Chol at klia2 at 9am on Feb 13 as he was about to check in for a flight to Macau, rubbing VX nerve agent on his face.

The charge, under Section 302 of the Penal Code, carries a mandatory death sentence upon conviction.



Eksibit Kes Bunuh Kim Jong-nam Dibuka Di Jabatan Kimia Atas Faktor Keselamatan



Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Azmi Ariffin keluar dari Jabatan Kimia Malaysia selepas pengecaman bahan bukti pada beberapa sampel hari ini

PETALING JAYA, 9 Okt (Bernama) -- Eksibit atau barang kes terdiri daripada baju T tertulis nama dua tertuduh yang didakwa membunuh abang pemimpin Korea Utara, Kim Chol atau Kim Jong-nam dan keratan kuku, dikemukakan di **Jabatan Kimia Malaysia** di sini, hari ini bagi tujuan pengecaman.

Proses pengecaman barang kes berkenaan yang disimpan dalam sebuah plastik yang dilakri, dilakukan di dalam bilik makmal di jabatan berkenaan atas faktor keselamatan.

Peguam Datuk Naran Singh yang mewakili tertuduh kedua, Doan Thi Huong, warga Vietnam ketika ditemui pemberita selepas prosiding itu, berkata proses pengecaman berlangsung selama hampir sejam dan semua yang berada di dalam makmal diarah memakai pakaian pelindung bahan kimia dan topeng pernafasan.

Beliau berkata, pihak yang berada dalam makmal bagi proses pengecaman itu ialah Doan, peguam S.Selvi yang mewakili tertuduh pertama Siti Aisyah iaitu warga Indonesia, dua pengawal keselamatan dan Dr.S. Raja iaitu Ketua Makmal Pusat Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Azmi Ariffin yang mendengar perbicaraan itu dan pihak pendakwaan serta peguam lain berada di luar makmal.

Sementara itu, peguam Gooi Soon Seng yang mewakili Siti Aisyah pula berkata blazer mangsa (Kim Chol) tidak dapat dibuat pengecaman kerana ia telah dihantar ke Korea Utara.

"Kami percaya blazer itu barang bukti yang penting kerana terdapat agen saraf VX padanya. Kami akan bangkitkan isu ini semasa hujahan, (tentang kenapa blazer ini tidak dikemukakan sebagai eksibit).

Ketika ditanya mengapa Siti Aisyah tidak masuk ke dalam makmal berkenaan, Gooi berkata ia tidak perlu.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Shaharuddin Wan Ladin pula berkata prosiding petang ini ditangguh ke esok kerana Dr Raja yang akan menyambung keterangannya hari ini, tidak sihat.

Pada Khamis lepas, mahkamah menetapkan untuk menyambung perbicaraan kes itu pada petang ini selepas pihak-pihak yang terlibat selesai membuat pengecaman barang kes tersebut.

Pengamal media tempatan dan antarabangsa mula berkumpul di luar perkarangan jabatan berkenaan seawal 6 pagi.

Pada prosiding Khamis lalu, Dr. Raja yang merupakan saksi kelapan memberikan keterangan berhubung barang kes terbabit, menyarankan supaya barang kes itu dibuka di Jabatan Kimia bagi tujuan keselamatan berikutan agen saraf VX yang aktif masih didapati pada dua baju T dan serpihan kuku berkenaan.

Tertuduh Siti Aisyah, 25, dan Doan, 28, yang memakai baju kurung hari ini tiba di jabatan berkenaan pada 9.30 pagi diringi pihak polis.

Kedua-dua wanita itu didakwa bersama-sama empat yang masih bebas membunuh Kim Chol, 45, di Balai Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) pada 9 pagi, 13 Feb lalu, mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

-- BERNAMA

KES PEMBUNUHAN WARGA KOREA UTARA, KIM CHOL

Pengecaman barang kes di Jabatan Kimia

➔ Barang bukti dibuka dalam makmal atas faktor keselamatan

Oleh Ahmad Johari
Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

► Petaling Jaya

Proses pengecaman barang kes dalam perbincangan pembunuhan warga Korea Utara, Kim Chol (yang didakwa sebagai abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam) dibuat di Jabatan Kimia Malaysia semalam, berikutan faktor keselamatan.

Barang kes yang dikemukakan untuk ditanda sebagai bukti itu, antaranya membatkan dua helai baju-T yang masing-masing berada dalam beg plastik berasingan dan dimasukkan ke dalam sampul serta dimeterai Jabatan Kimia

dan keratan kuku.

Beg plastik berkenaan masing-masing dilabelkan dengan nama tertuduh pertama warga Indonesia, Siti Aisyah dan tertuduh kedua warga Vietnam, Doan Thi Huong, manakala keratan kuku dilabelkan nama Thi Huong.

Dalam beg plastik mengandungi baju-T dilabelkan Siti Aisyah, turut mengandungi skaf.

Media berada di luar pagar

Proses pengecaman itu bermula pada jam 10 pagi, bagaimanapun wartawan dan jurukamera tempatan serta asing yang berkumpul sejak jam 7 pagi hanya dibenarkan berada di luar pagar Jabatan Kimia.

Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin, ketika ditemui selepas prosiding, berkata proses pengecaman barang kes berlangsung 90 minit dalam bilik yang dilengkapi sebuah makmal.

Beliau berkata, pihak yang dibenarkan masuk ke dalam makmal terdiri daripada Thi Huong; Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia, Dr S Raja; pe-

guam bela tertuduh warga Indonesia Siti Aisyah, S Selvi dan dua pegawai pengiring.

Katanya, sepanjang prosiding itu, mereka dikehendaki memakai baju pelindung bahan kimia dan topeng pernafasan, manakala Hakim Datuk Azmi Ariffin, barisan pendakwaan dan peguam bela, yang lain berada di luar makmal.

Pada prosiding Khamis lalu, Dr Raja mengesahkan racun agen saraf VX dikesan pada pada baju-T tanpa lengan dalam sampul dilabelkan Siti Aisyah dan baju-T putih dengan cetakan 'LOL' di bahagian hadapan dilabelkan Thi Huong.

Bagaimanapun barang kes itu tidak dibuka untuk ditanda sebagai eksibit selepas Dr Raja memberitahu mahkamah, kesan agen saraf VX yang terdapat pada barang kes itu masih aktif dan dikhuatiri memudaratkan orang ramai jika dibuka di tempat terbuka.

Saksi kelapan pendakwaan sehubungan itu menyarankan barang kes terbabit dibuka di makmal yang tidak mempunyai sistem pengudaraan untuk dicamkan.

Sementara itu Selvi ketika ditemui selepas prosiding, mengakui agak letih selepas mengikuti proses pengecaman itu berikutan keadaan dalam makmal yang panas dan berkuap.

Katanya, jaket yang dikatakan dipakai Kim Chol pada hari kejadian tidak dikemukakan pendakwaan bagi proses pengecaman.

Peguam bela Gooi Soon Seng yang turut mewakili Aisyah, berkata jaket terbabit tidak dikemukakan di mahkamah untuk ditanda sebagai barang kes kerana sudah dihantar pulang ke Korea Utara.

"Kami percaya jaket itu adalah barang bukti yang amat penting kerana ia dikatakan mempunyai kesan agen saraf VX dalam bentuk asal (bukan bahan yang sudah bertindak balas secara kimia). Sehubungan itu, kita akan kemukakan isu ini dalam hujahan akhir," katanya.

Prosiding di hadapan Hakim Datuk Azmi Ariffin akan bersambung hari ini, selepas Dr Raja memohon prosiding ditangguhkan kerana beliau tidak sihat.



Lihat barang kes di bilik khas

PROSIDING pengecaman barang kes pembunuhan abang tiri pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam, dilakukan di Jabatan Kimia, hari ini, berikutan terdapat isu keselamatan.

Barang kes itu adalah baju T tertulis nama dua tertuduh, Siti Aisyah, warga Indonesia dan Doan Thi Huong, warga Vietnam serta keratan kuku Doan. Bahan agen saraf VX yang aktif masih terdapat pada ketiga-tiga barang kes berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Wan Shaharuddin Wan Ladin berkata, proses pengecaman barang kes berlangsung selama satu jam setengah di Jabatan Kimia.

"Pihak yang masuk ke dalam makmal terdiri daripada Doan, Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, **Jabatan Kimia Malaysia Dr S Raja**, peguam S Selvi yang mewakili Siti Aisyah dan dua pegawai pengiring.

"Proses pengecaman barang kes dijalankan di dalam bilik yang dilengkapi dengan sebuah makmal," katanya ketika ditemui selepas prosiding yang tamat kira-kira 12 tengah hari itu.

Beliau berkata, kesemua mereka dikehendaki memakai baju pelindung bahan kimia dan topeng pernafasan, manakala Hakim Datuk Azmi Ariffin, barisan pendakwaan dan peguam bela yang lain berada di luar makmal yang hanya dipisahkan dengan dinding kaca.

Pada prosiding Khamis lalu, Dr Raja yang memberikan keterangan berhubung barang kes terbabit yang diletakkan dalam beg plastik dan dimeterai, menyarankan supaya ia dibuka bagi tujuan pengecaman di Jabatan Kimia atas faktor keselamatan.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh yang memakai baju kurung tiba di jabatan berkenaan pada jam 9 pagi diringi pihak polis, manakala Hakim Datuk Azmi Ariffin tiba pada jam 9.30 pagi.

Media mula berkumpul di Jabatan Kimia seawal jam 7.30 pagi.

Siti Aisyah, 25 dan Doan, 28, yang didakwa bersama empat lagi yang masih bebas membunuh abang tiri pemimpin Korea Utara Kim Jong-nam, 45, di Balai Berlepas Lapangan Terbang Kuala Lumpur 2 (klia2), pada jam 9 pagi, 13 Februari lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Jong-nam yang memiliki pasport tertera nama Kim Chol meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke Hospital Putrajaya. Beliau dilaporkan berada di Malaysia sejak 6 Februari lalu.

Barang kes dibuka di Jabatan Kimia



SUSPEK warga Indonesia, Siti Aishah dan suspek warga Vietnam, Doan Thi Huong diiringi anggota polis keluar dari Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya berhubung kes pembunuhan abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam. - Foto Sairien Nafis

PETALING JAYA: Barang kes mengandungi baju T tertulis nama dua tertuduh yang didakwa membunuh abang pemimpin Korea Utara, Kim Jong-nam dan serpihan kuku, dikemukakan di **Jabatan Kimia Malaysia (Jabatan Kimia)** hari ini, bagi tujuan pengecaman.

Prosiding pengecaman dilakukan di Jabatan Kimia berikutan wujud isu keselamatan.

Pada prosiding Khamis minggu lalu, Ketua Makmal Pusat Analisis Senjata Kimia, Jabatan Kimia Malaysia Dr S Raja yang memberi keterangan berhubung barang kes terbabit yang diletakkan dalam beg plastik dan dimeterai, menyarankan ia dibuka bagi tujuan pengecaman di Jabatan Kimia atas faktor keselamatan.

Pada sampul kedua-dua baju T yang dimasukkan dalam beg plastik itu tertulis nama tertuduh pertama warga Indonesia Siti Aisyah dan tertuduh kedua warga Vietnam Doan Thi Huong.

Dr Raja dalam keterangannya berkata, bahan agen saraf VX yang aktif didapati masih ada pada dua baju T dan serpihan kuku berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, ia tidak wajar dibuka di mahkamah kerana dikhuatiri boleh memudaratkan.

Timbalan Pendakwa Raya Wan Shahrudin Wan Ladin ketika ditemui selepas prosiding berkata, proses pengecaman barang kes berlangsung selama satu jam setengah dalam bilik dilengkapi makmal.

Beliau berkata, pihak yang masuk ke dalam makmal adalah tertuduh kedua warga Vietnam, Doan Thi Huong; Dr Raja; peguam tertuduh pertama warga Indonesia Siti Aisyah, S Selvi; dan dua pegawai pengiring.

Wan Shahrudin berkata, mereka dikehendaki memakai baju pelindung bahan kimia dan topeng pernafasan, manakala Hakim Datuk Azmi Ariffin, barisan pendakwaan dan peguam bela lain berada di luar makmal yang dipisahkan dengan dinding kaca.

Siti Aishah, 25, dan Doan Thi Huong, 28, yang didakwa bersama empat lagi yang masih bebas membunuh abang pemimpin Korea Utara Kim Jong-nam, 45, di Balai Berlepas KLIA2, pada jam 9 pagi, 13 Februari lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.



Fipper, Adidas tiruan dirampas

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Sabah merampas 4,563 selipar dan kasut tiruan bernilai RM30,365 dalam serbuan di beberapa premis di sekitar Penampang, Rabu lalu.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNKK Sabah, Yahya Sujak berkata, serbuan itu susulan aduan daripada pemilik cap dagang jenama Fipper dan Adidas.

"Rampasan turut disertai dua wakil pengadu bagi mengenal pasti produk yang disyaki tiruan membabitkan 3,650 selipar jenama Fipper, 650 selipar jenama Adidas serta 263 kasut jenama Adidas.

"Kita juga membandingkan produk yang dirampas dengan produk yang asli.

"Kita dapati ada perbezaan spesifikasi produk seperti saiz yang tertera, kod bar, logo dan beberapa lagi," katanya pada sidang media di pejabat KPDNKK Sabah, hari ini.

Dalam pada itu, Yahya berkata, semua selipar dan kasut yang dirampas itu akan dihantar ke **Jabatan Kimia** bagi tujuan analisis sebelum kes itu diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 8 (2) (b) Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.



Gempa Bumi Sederhana Landa Selatan Lautan Hindi

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.2 pada skala Richter berlaku di Selatan Lautan Hindi pada 5.05 petang, hari ini.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, **Jabatan Meteorologi Malaysia** berkata gempa itu berpusat 1,252 kilometer barat laut Port Dickson, Negeri Sembilan.

Gempa itu tidak menimbulkan ancaman tsunami, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA